

Keunikan Borneo buka peluang penyelidikan yang luas: Musa

UB 6.8.2014 A7

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Sesuai dengan kedudukan geografinya sebagai kepulauan ketiga terbesar di dunia, keunikan dan kepelbagaiannya sumber yang dimiliki Borneo membuka ruang penyelidikan yang luas kepada para pengkaji dari seluruh dunia.

Menerusi Persidangan Antarabangsa Majlis Penyelidikan Borneo (BRC), ia membuka peluang kepada para pengkaji, pelajar, penjawat awam mahupun orang awam untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing terhadap isu berkaitan Borneo.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman berkata, semua hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh BRC bersama penyelidik lain membawa pemahaman kepada masyarakat dunia terhadap pentingnya Borneo.

“Kepelbagaiannya budaya dan amalan serta saling menerima walau berbeza kepercayaan dan anutan antara perkara penting yang menjadi keutamaan masyarakat di Borneo ini.



MASIDI (tengah) menerima cenderahati daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr. Sharil Yusof pada majlis itu.

“Borneo juga menjadi contoh kepada konsep kepelbagaiannya yang dinamik di dunia.

“Saya percaya, masyarakat Borneo memberi banyak pengajaran dan contoh kepada dunia termasuklah isu seperti kesamaan gender, hak kanak-

kanak serta keamanan dan keharmonian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan persidangan berkenaan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dekat sini kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri

Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Musa berharap, menerusi Persidangan Antarabangsa BRC, ia mampu membawa hasil terbaik dalam pemahaman dunia berkaitan isu dan masalah di Borneo.